

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

BULETIN

JAWHAR

PRAGMATIK • RESPONSIF • OBJEKTIF



ISSN 1985 - 2029 BIL 2/2016

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI
ISLAMIC DEVELOPEMENT BANK
(IDB) KE JAWHAR

JAWHAR INTELLECTUAL
DISCOURSE (JID) BIL.1/2016

MESYUARAT PENYELARASAN
BAITULMAL MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI-NEGERI (MAIN) BIL 1/2016



SIDANG REDAKSI BULETIN JAWHAR



Penaung:

YBhg. Datuk Haji Anan bin C Mohd

Ketua Editor:

En Mohd Faizal bin Ab Hamid

Pengarang:

En. Saifol Iskandar bin Md. Kasim
Pn. Noor Azura binti Zainal
En. Azizi bin Saleh
Pn. Nor Fazilah binti Wahab

Penghargaan Kepada:-

Bahagian Wakaf
Bahagian Baitulmal
Bahagian Khidmat Pengurusan
Semua pegawai dan kakitangan
JAWHAR yang terlibat

Penasihat:

YBrs. Tn Ahmad Musadad
bin Hj. Sulaiman

Editor:

Tn Hj Abdullah bin Hj Abdul Rahman
Pn. Siti Zaida binti Mahmud

Jurufoto:

En. Zamfitri bin A Rahman
Pn. Ili Raidah binti Mahat
Cik Muzazila binti Mustari
En. Mohamad Basri bin Razak

KANDUNGAN

PERUTUSAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH
JAWHAR ----- 3

BERITA

MESYUARAT PENYELARASAN
BAITULMAL MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI-NEGERI (MPBM) BIL.1/2016 ----- 4

LAWATAN DELEGASI ISLAMIC
DEVELOPEMENT BANK (IDB)
KE JAWHAR ----- 5

BENGKEL PELAKSANAAN
GEOSPATIAL TANAH WAKAF ----- 6

BENGKEL PINDAAN DOKUMEN
MANUAL DAN PROSEDUR KUALITI
"ISU KRITIKAL SYARIAH" JAWHAR ----- 7

MESYUARAT PENYELARASAN
PROGRAM ZAKAT BERSAMA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN)
DAN AMZ DI KELANA BEACH RESORT
PORT DICKSON ----- 8

JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE (JID)
BIL.1/2016 "WAKAF SELANGKAH KE
HADAPAN" & "WAKAF PENJANA
EKONOMI UMMAH" PADA 10 MAC 2016 ----- 9

ARTIKEL

WANG TIDAK PATUH SYARIAH ----- 10

GALERI

1. BENGKEL MICROSOFT POWER POINT
2016 PADA 3-4 FEBRUARI 2016 ----- 11

2. BENGKEL PENAMBAHBAIKAN
ENAKMEN/AKTA WAKAF SIRI 2 BIL.1/2016
PADA ----- 11

3. AUDIT PENSIJILAN SEMULA SIRIM
ISO 9001:2008 DAN MS 1900:2005 PADA
29 FEBRUARI 2016 & 1 MAC 2016 ----- 12

4. MESYUARAT PENYELARASAN PROJEK
PEMBINAAN PANGSAPURI WAKAF KOS
SEDERHANA BUTTERWORTH,
PULAU PINANG PADA 29 FEBRUARI 2016 ----- 12

5. HARI BERSAMA KETUA PENGARAH
JAWHAR 2016 ----- 13

PENGHARGAAN JAWHAR

SIJIL LANJUTAN SISTEM
PENGURUSAN KUALITI JAWHAR
ISO 9001 : 2008 DENGAN
MS ISO 1900 : 2005 ----- 15

INFO WARGA

PERMATA JAWHAR ----- 16

YANG PATAH TUMBUH
YANG HILANG BERGANTI ----- 17

BENGKEL SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM)
TAHAP 3, 4 DAN 5 BAGI BIDANG MUTAWWIF
DAN ZIARAH SIRI 1/2016 ----- 19

UMRAH SPECIALIZED ENHANCEMENT
COURSE (USEC) ----- 19

HADIS RIWAYAT: al-Tirmizi ----- 20

PERUTUSAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH JAWHAR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, marilah kita menadah tangan merafakkan kesyukuran kepada Allah SWT dan memanjangkan selawat serta salam buat kekasih Allah, Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga dan sahabat Baginda Sekalian. Sekali lagi saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat menerbitkan Buletin JAWHAR Bil.2/2016 yang mencoretkan berita-berita kejayaan JAWHAR di samping berita-berita yang bermanfaat untuk pengisian rohani kita khususnya bagi seluruh umat Islam.

Setelah hampir lima tahun saya dipertanggungjawabkan untuk memimpin Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), banyak penambahbaikan telah dilakukan terhadap sistem tadbir urus dan pembangunan modal insan warga kerjanya. Penambahbaikan yang dilakukan telah banyak membawa perubahan kepada Jabatan JAWHAR telah berjaya mengaplikasikan sistem Pengurusan Kualiti yang patuh syariah di kalangan warganya. Pada tahun ini juga, JAWHAR telah berjaya mengekalkan Pensijilan ISO 9001:2008 dan MS1900:2005 yang menjadi kekuatan kepada sistem Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Awam. Saya amat berbangga dengan usaha seluruh warga JAWHAR yang mempunyai semangat perjuangan yang jitu dalam mempertahankan nama baik Jabatan.



JAWHAR sentiasa mencari mekanisme baru dalam membangunkan ekonomi ummah yang bercirikan nasional. Sebagai contoh, JAWHAR bersama rakan strategik yang lain telah giat melaksanakan projek pembangunan harta tanah wakaf di Malaysia. Dengan kepercayaan yang diberikan oleh pihak Pengurusan Tertinggi, saya yakin jabatan ini akan menjadi lebih maju dan berdaya saing setaraf dengan sektor swasta di luar sana. Selain daripada projek-projek pembangunan wakaf, peranan JAWHAR dalam bidang zakat juga turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi umat Islam di negara ini. Pengenalan sistem e-Khairat telah membuka mata dan minda umat Islam keseluruhan tentang kemudahan dan manfaat masyarakat supaya tidak tertipu dan tidak mensia-siakan sumbangan wang yang disedekahkan demi kepentingan agama. Selain daripada perkara berkaitan bidang teras, JAWHAR juga bergiat aktif dalam menyampaikan ilmu melalui program-program intelek seperti program JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil.1/2016 dan Bil.2/2016 yang mendapat sambutan yang amat menggalakkan pada tahun ini. Penerbitan naskhah-naskhah ilmiah yang diterbitkan juga banyak menyumbang kepada percambahan pemikiran masyarakat terhadap isu-isu bidang teras JAWHAR.

Kewujudan JAWHAR sehingga ke hari ini melambangkan usaha berterusan yang di ambil untuk menjadi sebuah agensi terunggul serta merupakan kaedah yang tepat dan amat berharga sepertimana usaha untuk melahirkan sebutir permata yang amat bernilai. Manakala natijahnya pula merupakan hasil dari perlaksanaan usaha murni tersebut bagi mengukuhkan sosio ekonomi ummah melalui pemantapan pengurusan wakaf zakat dan haji/umrah dengan lebih berkesan.

Untuk mencapai matlamat kecemerlangan yang sebenar, faktor pemimpin yang berjaya menyelia, memberi teladan yang berkualiti dan menerapkan nilai-nilai murni di dalam organisasinya memainkan peranan penting sebagai nadi penggerak sesebuah jabatan mahupun organisasi. Pegawai dan kakitangan juga berperanan membantu pemimpin untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dan bersatu menjadi pasukan yang mantap dan memberikan perkhidmatan yang terbaik demi untuk mencapai matlamat serta objektif jabatan.

Akhir kata, saya menyeru diri saya dan juga seluruh warga JAWHAR agar dapat menggembungkan tenaga dan mempamerkan inovasi yang lebih tinggi dalam mengharungi cabaran dan saingen globalisasi mendatang. Semoga langkah sebegini dapat memenuhi keperluan serta kehendak pelanggan dan *stakeholders* yang tinggi terhadap JAWHAR. Semoga JAWHAR akan terus cemerlang, gemilang dan terbilang.

والسلام

DATUK HAJI ANAN BIN C MOHD
Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

MESYUARAT PENYELARASAN BAITULMAL MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI-NEGERI (MPBM) BIL.1/2016

Pada **3 Mac 2016**, satu Mesyuarat Penyelarasan Baitulmal Bersama Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) telah diadakan di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk membuat penyelarasan berkesan di samping penetapan dasar berkaitan bidang wakaf, zakat dan mal bersama pihak Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Mesyuarat ini merupakan lanjutan daripada Mesyuarat Penyelarasan Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MPBM) yang kali terakhir telah diadakan pada 3 Mac 2015.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Y.Bhg Datuk Ketua Pengarah JAWHAR dan ia telah dihadiri oleh 27 orang ahli yang terdiri daripada wakil MAIN, agensi-agensi Kerajaan dan juga pegawai-pegawai JAWHAR. Mesyuarat ini dimulakan dengan sesi perbincangan dan pembentangan oleh pegawai-pegawai JAWHAR mengenai isu bidang teras JAWHAR. Mesyuarat diakhiri dengan sesi bergambar bersama semua ahli mesyuarat.



YBhg Datuk YBhg Datuk Hj Anan bin C Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR bergambar kenangan bersama ahli mesyuarat



BERITA 2

LAWATAN DELEGASI ISLAMIC DEVELOPEMENT BANK (IDB) KE JAWHAR

Putrajaya, 28 Januari 2016 (Khamis) – Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menerima lawatan delegasi dari Islamic Development Bank (IDB) yang terdiri daripada seramai 5 orang iaitu Br. Mohammad Jamal Alsaati (Director, Country Programs Department (CTY)), Br. Sobir Komilov (Division Manager CTY), Br. Abdul Ghafar Ismail (IRTI), Br. Mohammad Aidil Yusri (Islamic Financial Services Department) dan Br. Kunrat Wirasubrata (Acting Director, RoKL).



Pertukaran maklumat dan perbincangan di antara JAWHAR dan IDB sedang berlangsung



Potret kenangan delegasi Islamic Development Bank (IDB) bersama warga JAWHAR

Pertemuan dan sesi perbincangan telah diadakan di Bilik Gerakan, JAWHAR dan dipengerusikan oleh YBhg Datuk Haji Anan Bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR. Turut hadir ialah Encik Ahmad Musadad Bin Haji Sulaiman (Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR), Encik Ruzman Bin Ramli (Pengarah Bahagian Wakaf) dan pegawai-pegawai JAWHAR yang lain.

Tujuan lawatan ini diadakan untuk membincangkan bidang kerjasama yang boleh diterokai secara bersama oleh JAWHAR dan IDB dalam bidang kewangan Islam. Antara bidang kerjasama yang dicadangkan adalah perkongsian pengalaman dan kapakaran dalam pembangunan wakaf.

Sesi lawatan ini berakhir pada pukul 10.30 pagi dan berakhir dengan penyampaian cenderahati serta sesi bergambar beramai - ramai.



Memori kenangan JAWHAR bersama delegasi Islamic Development Bank (IDB) yang hadir



BERITA 3

BENGKEL PELAKSANAAN GEOSPATIAL TANAH WAKAF



Putrajaya, 26 Januari 2016 (Selasa) - Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), Putrajaya telah mengadakan Bengkel Pelaksanaan Geospasial Tanah Wakaf bersama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Bengkel sehari ini telah diadakan di Bilik Gerakan JAWHAR bermula 10 pagi dan berakhir pada 4.30 petang. Taklimat perjalanan bengkel telah disampaikan oleh Tuan Haji Zainal bin Hj Mohd Yusoh, Pegawai Wakaf JAWHAR manakala pengisian bengkel sepanjang program berlansung telah disampaikan oleh Ketua Pasukan daripada MaCGDI iaitu Puan Mariam bin Mohamad, Timbalan Pengarah dan pegawai MaCGDI. Sebanyak 8 MAIN telah hadir ke bengkel ini yang terdiri daripada Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Negeri Melaka (MAIM) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Objektif pelaksanaan bengkel geospasial tanah wakaf ini bertujuan membantu pihak MAIN menyediakan aplikasi terkini atas talian yang memudahkan pengemaskinian data tanah wakaf dibuat secara cepat dan tepat dalam persekitaran yang selamat.

Di akhir bengkel ini, satu aplikasi tanah wakaf berdasarkan Sistem Maklumat Geospasial (GIS) telah rangka untuk dibangunkan dengan mengambil kira keperluan pengguna dan ciri-ciri keselamatan data.



Rakaman kenangan YBrs Tn Ahmad Musadad bin Hj Sulaiman, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR bersama ahli bengkel Pelaksanaan Geospasial Tanah Wakaf



BENGKEL PINDAAN DOKUMEN MANUAL DAN PROSEDUR KUALITI “ISU KRITIKAL SYARIAH” JAWHAR



Sesi pengajaran dan pemahaman oleh fasilitator kepada sebahagian pegawai JAWHAR yang hadir bengkel



29 Januari 2016 (Jumaat) - Satu Bengkel Pindaan Dokumen Manual dan Prosedur Kualiti "Isu Kritikal Syariah" JAWHAR telah diadakan di Hotel Grand Puteri (JAWHAR-MAIDAM) Kuala Terengganu, Terengganu pada 29 hingga 31 Januari 2016 oleh Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) Seramai 30 orang telah terlibat menjayakan bengkel ini terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan di Jabatan.

Bengkel Pindaan Dokumen Manual dan Prosedur Kualiti "Isu Kritikal Syariah" JAWHAR yang diadakan bertujuan untuk memantapkan tadbir urus dan pengurusan jabatan, memberi pemahaman dan penghayatan berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti yang patuh syariah di kalangan warga JAWHAR. Bengkel ini juga dapat memberi latihan berterusan (setiap tahun) kepada Juruaudit Dalam MS ISO JAWHAR mengenai proses pelaporan dan dokumentasi sistem pengurusan kualiti JAWHAR yang berkesan.



Kehadiran Ketua Pengarah JAWHAR (tengah) sewaktu majlis perasmian bengkel.

Sebanyak 5 Slot Perbincangan Dalam Kumpulan yang telah dibimbing oleh YBrs. Encik Syazwan Ariff bin Md. Kassim dan dibengkelkan meliputi isu-isu berkaitan Pindaan MS 1900:2005 kepada MS 1900:2014, Dokumentasi Isu Kritikal Syariah JAWHAR, Pindaan Dokumentasi Manual Kualiti dan Prosedur Audit Kualiti.

Potret kenangan Ketua Pengarah JAWHAR (duduk, tengah) bersama Fasilitator jemputan dan peserta bengkel.



MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM ZAKAT BERSAMA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN) DAN AMZ DI KELANA BEACH RESORT PORT DICKSON

Port Dickson, 15 Februari 2016 –Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Program Zakat Bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) Bil. 1 Tahun 2016 pada 15 hingga 17 Februari 2016 (Isnin – Rabu) bertempat di Hotel Klana Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Mesyuarat yang dianjurkan oleh Bahagian Baitulmal JAWHAR ini telah dihadiri oleh 37 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil MAIN dan AMZ dari seluruh Malaysia, serta para pegawai JAWHAR selaku urusetia. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan gerak kerja penyelarasan pengurusan zakat bersama pihak MAIN dan AMZ seluruh Malaysia.

Antara agenda utama yang telah dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah:

- Cadangan Sambutan Bulan Zakat dan Karnival Usahawan Asnaf 2016;
- Konvoi Kembara Zakat 2016;
- Penyelarasan kadar zakat fitrah seluruh Malaysia; dan
- Isu rebat cukai terhadap bayaran zakat

Semoga mesyuarat yang diadakan ini dapat meningkatkan lagi jalinan kerjasama dan hubungan silaturahim antara pihak JAWHAR, MAIN dan AMZ serta agensi-agensi yang terlibat seterusnya memperkasakan lagi program-program pengukuhan institusi zakat di Malaysia demi kemaslahatan ummah, Insya-Allah.



Rakaman kenangan YBhg Datuk Hj Anan bin C Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR bersama para ahli mesyuarat



JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE (JID) BIL.1/2016 "WAKAF SELANGKAH KE HADAPAN" & "WAKAF PENJANA EKONOMI UMMAH" PADA 10 MAC 2016



Bahagian Wakaf dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan dan Penyalarasian Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menganjurkan program JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil. 1/2016 pada 10 Mac 2015 bertempat di Auditorium Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya yang bertemakan "Wakaf Selangkah Ke Hadapan" & "Wakaf Penjana Ekonomi Ummah".

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Anan Bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR dan telah disertai oleh lebih 500 orang peserta yang terdiri daripada penjawat awam sekitar Putrajaya dan juga pegawai-pegawai Majlis Agama Islam Negeri seluruh Malaysia.

Program JID pada kali ini diadakan dalam bentuk ceramah dengan menampilkan dua orang ahli panel yang terdiri daripada YBrs Dr Faudah binti Johari, Pensyarah Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan YBrs Dr Asmah binti Ab Rahman, Pensyarah Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).

Tema kali ini membincangkan mengenai topik Wakaf sebagai instrumen Ekonomi Ijtima'i yang telah berperanan membangunkan ekonomi ummah di arus perdana. Ia juga turut membincangkan tentang sinergi dan usaha Kerajaan. Diantaranya ialah :



1. Sinergi di antara sektor-sektor utama ekonomi sangat penting dalam membangunkan dan melestarikan ekonomi ummah khususnya melalui intrumen wakaf.
2. USIM berhasrat untuk memajukan projek-projek wakaf untuk sama-sama memacu pembangunan ekonomi ummah di arus perdana.
3. Sinergi kerajaan dan sektor pendidikan berupaya memangkin pertumbuhan ekonomi yang mampan dan lestari supaya keintelektualan Islam bercambah subur dalam aspek pelaksanaan integrasi Naqli dan Aqli dan kesatuan ummah.



ARTIKEL

Wang tidak patuh syariah boleh ditakrifkan sebagai harta yang dimiliki dan diperolehi melalui cara yang tidak



WANG TIDAK PATUH SYARIAH

diiktiraf oleh syarak. Ada banyak contoh wang tidak patuh syariah, antaranya ialah wang hasil daripada transaksi riba, rompakan, rampasan, hasil jualan barang curi, rasuah, perjudian, nombor ekor, loteri, lumba kuda, perlindungan insurans konvensional, keuntungan pelaburan dalam sekuriti tidak patuh syariah dan seumpamanya.

Sebagai sebuah intitusi kewangan Islam, adakah terdapat kebarangkalian bagi sesebuah perbankan Islam untuk terdedah kepada wang tidak patuh syariah.? Dalam perniagaan yang berorientasikan keuntungan, sudah pasti akan wujud jalinan hubungan dengan entiti perniagaan yang lain. Beroperasi dalam dalam persekitaran ekonomi semasa yang turut disertai institusi konvensional yang berdasarkan syarak, tidak mustahil akan ada kebarangkalian untuk terdedah kepada wang tanpa patuh syariah.

Kebarangkalian ini pada dasarnya berlaku diluar kawalan ataupun telah menjadi sesuatu adat perniagaan semasa. Contoh bagi situasi ini adalah apabila sesuatu isu atau kes dibawa kepada pihak jawatankuasa syariah. Jika perkara tersebut diputuskan sebagai tidak mematuhi ketetapan syarak, maka transaksi tersebut dikira tidak sah. Keuntungan yang diperolehi daripada transaksi tersebut dikira tidak mematuhi syariah dan tidak boleh dikira sebagai pendapatan kepada pihak bank. Sebagai contoh kes ini adalah seperti kes kegagalan untuk melaksanakan akad dengan betul. Wujud unsur gharar (ketidakpastian) dalam transaksi dan sebagainya. Dalam setuasi lain sekiranya sesebuah institusi mengambil langkah untuk mengenakan denda atau penalti (gharamah) sebagai caj disebabkan kelewatan bayaran, maka caj tersebut tidak boleh diambil kira sebagai pendapatan. Sebaliknya jumlah itu perlu disalurkan kepada badan-badan kebajikan tertentu. Perkara ini telah diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia.

Beroperasi dalam dalam persekitaran ekonomi semasa yang turut disertai institusi konvensional yang berdasarkan syarak, tidak mustahil akan ada kebarangkalian untuk terdedah kepada wang tanpa patuh syariah.

Seandainya terdapat wang tidak patuh syariah dalam institusi perbankan Islam, kemanakah wang tersebut hendak disalurkan, bolehkah ia digunakan untuk tujuan kebajikan seperti membina rumah atau membantu rumah kebajikan dan lain-lain.

Syeikh Atiyyah Saqar, mantan Ketua Lujnah Fatwa al-Azhar telah menyatakan kaedah melupuskan harta haram ketika bertaubat adalah mengikut kaedah berikut, iaitu memulangkan kembali harta itu kepada pemilik asal atau waris pemilik apabila diketahui pemilik harta tersebut, Jikalau ianya tidak diketahui pemilik asal harta tersebut, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada fakir miskin bagi memisahkan dirinya daripada harta haram yang diperolehnya. Penyerahan harta tersebut kepada fakir miskin bukanlah untuk mendapat pahala daripada serahan tersebut.

Berdasarkan pandangan ulama kontemporari dan juga beberapa fatwa, dapat disimpulkan bahawa wang tidak patuh syariah yang diperolehi boleh disalurkan kepada tempat-tempat tertentu untuk tujuan maslahah amah (kebajikan).

Antara yang boleh dilakukan adalah membantu rumah-rumah kebajikan seperti pusat jagaan orang tua, rumah anak-anak yatim, rumah perlindungan dan sebagainya.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009, telah menyatakan:

"Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram. Harta-harta ini tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:


- i. Diserahkan kepada Baitulmal untuk maslahat umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelanggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya.
- ii. Diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau
- iii. Jika harta tersebut merupakan harta rompakan, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat ditemui, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemiliknya atau ahli waris pemiliknya, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

GALERI

1. BENGKEL MICROSOFT POWER POINT 2016 DI JABATAN PERDANA MENTERI PADA 3-4 FEBRUARI 2016



2. BENGKEL PENAMBAHBAIKAN ENAKMEN/AKTA WAKAF SIRI 2 BIL.1/2016 PADA 14 MAC 2016



GALERI

3. AUDIT PENSIJILAN SEMULA SIRIM ISO 9001:2008 DAN MS 1900:2005 PADA 29 FEBRUARI 2016 & 1 MAC 2016



4. MESYUARAT PENYELARASAN PROJEK PEMBINAAN PANGSAPURI WAKAF KOS SEDERHANA BUTTERWORTH, PULAU PINANG PADA 29 FEBRUARI 2016



GALERI

HARI BERSAMA KETUA PENGARAH JAWHAR 2016

FEBRUARI



MAC



GALERI

APRIL



PENGHARGAAN JAWHAR

DI ATAS SIJIL LANJUTAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI
JAWHAR ISO 9001 : 2008 DENGAN MS ISO 1900 : 2005

Tahniah JAWHAR



Permata Jawhar



Nama Anak : Muhammad Afiq Zydane
bin Mohd Suffian
Nama Ibu : Pn Asrul Syuhada binti Mohd Salleh
Tarikh Lahir : 18 Januari 2016
Berat : 3.54 kg

Nama : Erika Sofea binti Khairul Azri
Nama Bapa : En.Khairul Azri
bin Kudaratullah Fatimy
Tarikh Lahir : 3 Mac 2016
Berat : 3.2 kg



Nama : Muhammad Faiz Imran
bin Mohamad Firdaus
Nama Bapa : En Mohamad Firdaus bin Kasim
Tarikh Lahir : 1 Mac 2016
Berat : 3.8 kg



INFO JAWHAR

YANG PATAH TUMBUH YANG HILANG BERGANTI

Senarai Pegawai Praktikal JAWHAR Yang Melapor Masuk Bagi Tempoh Latihan Industri



Nama

Cik Aainaa binti Ali

Tarikh

22/2/2016 hingga
12/6/2016

IPTA

Universiti Utara
Malaysia (UUM)



Cik Siti Syaudah
binti Mohd Tawil

22/2/2016 hingga
12/6/2016

Universiti Utara
Malaysia (UUM)



En Muhammad Amirul
Amin bin Mohammad

22/2/2016 hingga
12/6/2016

Universiti Sains Islam
Malaysia, (USIM)
Nilai Negeri Sembilan

Senarai Pegawai Praktikal JAWHAR Yang Telah Tamat Tempoh Latihan Industri



Nama

Cik Balqis binti
Abu Bakar

Tarikh

28/12/2016 hingga
1/4/2016

IPTA

Kolej Uniti Teknologi
Islam (UNITI)
Port Dickson,
Negeri Sembilan



INFO JAWHAR

Senarai Pegawai JAWHAR Yang Bertukar Keluar

	Nama Tn Hj Mohd Bakri bin Ibrahim	Tarikh Keluar 1 April 2016	KE JABATAN/ KEMENTERIAN Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
	Cik Saedah binti Hussin	4 April 2016	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)

Senarai Pegawai JAWHAR Yang Bertukar Masuk

	Nama Puan Hasnita binti Abdullah	Tarikh Masuk 4 April 2016	DARI JABATAN/ KEMENTERIAN Jabatan Perangkaan, JPM
--	---	-------------------------------------	--



Bengkel Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, 4 dan 5 Bagi Bidang Mutawwif dan Ziarah siri 1/2016

Pada 25 hingga 29 April 2016, satu bengkel telah diadakan di Hotel Seremban bagi Penyediaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3,4 dan 5 bagi Bidang Mutawwif dan Ziarah. SKM Umrah dan Ziarah ini merupakan antara usaha **JAWHAR** dalam memperkasakan industri Umrah di Malaysia agar mencapai tahap profesional lagi kompeten.

Usaha ke arah menyediakan Standard Perkhidmatan Umrah melalui peningkatan kemahiran Mutawwif merupakan usaha berterusan JAWHAR. JAWHAR selaku ahli Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU), telah membentangkan peranan JAWHAR dalam usaha pembasmian penipuan pakej umrah serta peranan JAWHAR di dalam MKSU di Persidangan Ketua Jabatan PKJ 98 di Johor pada 25 - 27 Oktober 2015. Susulan daripada itu, JAWHAR, JAKIM (melalui Darul Quran) dan Jabatan Kemahiran Malaysia mencari jalan agar satu persijilan standard yang boleh digunakan dapat dibangunkan agar dapat dibentangkan kepada MKSU untuk dijadikan pra-syarat kepada pelesenan syarikat Umrah di Malaysia.

Usaha ini masih di peringkat awal dan sasaran SKM dijangka dapat disempurnakan pada akhir 2016. Siri-siri bengkel yang akan datang juga akan disusun agar SKM dapat digubal selaras dengan kehendak Industri dan Akta Industri Pelancongan 1992. Persijilan SKM pula digubal mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupation Skill Standard - NOSS) di bawah Akta Pembangunan Kemahiran, Jabatan Kemahiran Malaysia.

Umrah Specialized Enhancement Course (USEC)

Dalam usaha untuk memartabatkan industri umrah di Malaysia, buat julung kalinya Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) telah mengadakan Kursus USEC Perdana siri 1/2016 pada 13 hingga 14 Februari 2016 di Institut Profesional BaitulMal Kampung Pandan.

Kursus ini merupakan antara pra-syarat tambahan kepada keperluan lesen bagi syarikat-syarikat pelancongan yang berlesen yang ingin menjual pakej umrah kepada rakyat Malaysia. Selain itu, USEC bertujuan antara lain untuk menyeragamkan pengendalian umrah, melahirkan pengurus dan pembimbing umrah yang mahir serta berintegriti dan seterusnya meningkatkan profesionalisme agensi pengelola umrah.

Institut Profesional Baitulmal (PB) telah dilantik oleh MKSU untuk mengendalikan USEC di atas kerangka kerjasama strategik dengan JAWHAR yang merupakan ahli MKSU. MOU JAWHAR-IPB telah ditandangani dalam tahun 2015 yang membuka ruang kepada pengendalian USEC di IPB.

Seramai kira-kira 70 orang peserta daripada pelbagai syarikat-syarikat di bawah MATTA dan BUMITRA telah hadir ke USEC Perdana ini. **JAWHAR** merupakan antara agensi yang bertanggungjawab terhadap silibus USEC dan turut membentangkan templat kontrak Wakalah Al Ujrah untuk rujukan industri.

Selain mendapat pengiktirafan daripada KPK - USEC di bawah IPB juga merupakan persijilan yang diiktiraf di bawah Malaysian Qualification Agency.



Hadis riwayat: al-Tirmizi

Daripada Abu Hurairah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

لَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعْلَقٌ بِدِينِهِ حَتَّىٰ يُفْصَى عَنْهُ .

Maksudnya:

“Jiwa seseorang mukmin itu tergantung dengan hutangnya (iaitu dia belum dihukum sama ada kebaikannya atau kejahatannya) sehinggalah hutang tersebut dibayar”.

Huraian Hadis:

- ❖ Sesungguhnya apabila seseorang itu berhutang, bermakna dia telah mula meletakkan satu belenggu di lehernya, dia terikat dengan belenggu itu dan belenggu itu tidak akan terlepas melainkan hutang itu dibayar.
- ❖ Sekiranya hutang tersebut tidak sempat dijelaskan ketika di dunia ini, maka ia akan terus dibawa ke hari pengadilan di akhirat kelak.
- ❖ Rasulullah SAW mengingatkan bahawa orang yang berhutang wajib menjelaskan hutangnya ketika hidup. Ini kerana apabila seseorang yang berhutang meninggal dunia dan masih menanggung hutang, rohnya akan tergantung di antara langit dan bumi, iaitu tidak dapat ditentukan sama ada mendapat rahmat atau seksa, sehingga dijelaskan hutangnya itu.
- ❖ Islam sangat menggalakkan agar umatnya menjauhkan diri daripada berhutang dan sentiasa berdoa agar tidak diberati dengan hutang piutang, supaya mereka dapat hidup dalam keadaan tenteram.

